

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[KUALA PILAH]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 97**

**YB Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina laluan baru bagi perkhidmatan keretapi bagi menghubungkan terus Lembah Klang ke Pantai Timur yang mana manfaatnya dapat dinikmati oleh kira-kira 4.5 juta penduduk di Pahang, Terengganu dan Kelantan.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini masih meneliti cadangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) oleh pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Ia merupakan projek infrastruktur penting di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Lembah Klang dan kawasan Pantai Timur. Jajaran cadangan projek ini meliputi bandar utama seperti Kuala Lumpur, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Pihak ECERDC telahpun melaksanakan kajian kemungkinan cadangan pembangunan projek ECRL.

Pada masa ini, ECERDC telah selesai menjalankan kajian kebolehlaksanaan kewangan (*financial feasibility*) serta impak terhadap sosioekonomi dan industri pengangkutan di ECER sebelum keputusan pelaksanaan pembangunan ECRL dibuat oleh Kerajaan. Di samping itu, ECERDC juga sedang mengelola kajian *market sensing* yang dijangka dimuktamadkan pada bulan Julai 2016. Sehingga 13 Mei 2016, sejumlah 85 syarikat iaitu 59 dari Malaysia dan 26 dari luar negara telah memohon dokumen *Request For Information* (RFI). Seterusnya, cadangan pelaksanaan ECRL akan dibentangkan kepada Majlis Ekonomi (*Economic Council*) sebelum diangkat ke Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.